

## Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 24 Ogos, 2020

### **Nestlé Berganding Bahu dengan MBPJ Demi Membentuk Malaysia yang Bebas Sisa Buangan**

*Program Kitar Semula Perintis dilancarkan di 2 taman perumahan & 1 PPR*

**PETALING JAYA, 24 Ogos 2020** – Nestlé Malaysia dan Majlis Bandar Raya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk melancarkan secara rasmi sebuah program kitar semula perintis melibatkan kutipan kaki lima di dua taman perumahan di Petaling Jaya. Inisiatif ini adalah sejajar dengan usaha Nestlé membentuk masa depan yang bebas sisa buangan dan bertujuan membudayakan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat tempatan di Malaysia.

Pelancaran projek perintis ini menyaksikan Nestlé dan MBPJ meluaskan kerjasama dalam program kutipan bahan kitar semula kaki lima ke kawasan baharu dan sedia ada di Bandar Sri Damansara dan Ara Damansara. Malah, Nestlé Malaysia juga baru-baru ini melancarkan program kutipan bahan kitar semula di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1, Taman Putra Damai dengan kerjasama iCycle, sebuah syarikat penyedia penyelesaian pengasingan sisa buangan dan kitar semula.

YBhg Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, Datuk Bandar Petaling Jaya, yang hadir di majlis tandatangan MoU, berkata, "Secara purata, setiap rakyat Malaysia menghasilkan sebanyak 1.17kg sisa buangan setiap hari<sup>1</sup>. Lebih kurang 90% daripada semua sisa domestik dibuang di dalam kambusan tanah dan kini, Malaysia mempunyai terlalu banyak kambusan tanah yang dipenuhi sisa buangan. Projek ini merupakan peluang untuk mempromosikan amalan kitar semula dengan memudahkan masyarakat untuk turut serta. Kami berharap usaha sama ini akan mendorong rakyat Malaysia untuk menguruskan sisa mereka dengan lebih bertanggungjawab dan menjadikan kitar semula sebahagian daripada kehidupan harian mereka."

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad mengulas, "Sebagai syarikat yang berdedikasi untuk membentuk masa depan tanpa sisa buangan, kami komited untuk memainkan peranan melaksanakan penyelesaian yang membawa perubahan positif. Di samping langkah proaktif kami bertukar kepada kaedah yang mesra alam, termasuk langkah menggunakan straw kertas bagi rangkaian UHT, kami menyedari keperluan untuk mencetus perubahan tingkah laku positif bagi mewujudkan kesan yang berkekalan bagi alam sekitar. Kerjasama dengan MBPJ ini dan program PPR yang dilancarkan baru-baru ini akan membawa manfaat kepada 13,000 isi rumah, dan kami berharap untuk meluaskan inisiatif ini untuk meliputi lebih banyak taman perumahan pada masa depan."

---

<sup>1</sup> Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

“Kami juga berbesar hati untuk melancarkan komunikasi pembungkusan baharu kami, yang menampilkan pendidikan kitar semula pada pembungkusan, untuk memaklumkan kepada pengguna cara untuk mengasingkan bahan pembungkusan produk Nestlé untuk memudahkan kegiatan kitar semula. Komunikasi ini akan dipaparkan pada 80% daripada semua bahan pembungkusan boleh kitar semula Nestlé menjelang akhir 2020.”

“Segala usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen kami untuk memastikan tiada bahan pembungkusan kami, termasuk plastik, dibuang di dalam kambusan tanah atau menjadi sampah sarap, dengan mengurangkan sisa plastik di seluruh rantai bekalan – daripada apa yang kami letakkan di dalam bungkusan, kepada apa yang kami paparkan pada bungkusan kami, di samping menggalakkan pengurusan sisa buangan bertanggungjawab dengan mewujudkan budaya kitar semula yang lebih kukuh,” tambah En. Aranols.

Di majlis pelancaran tersebut, para tetamu berpeluang untuk melawat reruai pameran yang memaparkan visual taman perumahan yang terlibat dalam program kutipan kaki lima, dan juga inisiatif kelestarian penting lain anjuran Nestlé untuk mengurangkan sisa plastik. Ini termasuk pengumuman Nestlé baru-baru ini untuk menggunakan straw kertas 100% bagi seluruh rangkaian UHT menjelang akhir 2020, yang bakal menghapuskan penggunaan lebih 200 juta straw kertas setahun, dan juga Projek CAREton, iaitu kerjasama antara Nestlé MILO® UHT dan Tetra Pak® (Malaysia) Sdn. Bhd. untuk mengitar semula 45 juta pek minuman pada 2020. Setakat ini, projek tersebut telah mengumpulkan 95 juta pek minuman.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi**

#### **Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 6650  
+6012-353 1337  
E-mel: [Maxine.Lim@my.Nestlé.com](mailto:Maxine.Lim@my.Nestlé.com)

#### **Alya Nurina atau Yasmin Kadir**

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
+6010 -221 8216 (Alya) atau  
+6017 237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)